# PENILAIAN PERTENGAHAN TAHUN

**KERTAS 1** **Masa: Satu jam lima belas minit**

**Arahan:** *Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh* **empat** *jawapan pilihan. Bagi tiap-tiap soalan, pilih* **satu** *jawapan yang tepat atau yang paling sesuai.*

**1** Maklumat manakah yang dicatat di lajur butir dalam Jurnal Belian?
**A** Nama pemilik
**B** Nama barang niaga
**C** Nama akaun belum terima
**D** Nama akaun belum bayar

**2** Encik Abu menggunakan kaedah baki berkurangan untuk mengira susut nilai kenderaan bagi setiap tempoh perakaunan.
Apakah prinsip perakaunan yang diamalkan oleh Encik Abu?
**A** Entiti berasingan
**B** Usaha berterusan
**C** Prinsip Kos
**D** Ketekalan

**3** Pemilik Kedai Perabot Bala mengeluarkan sebuah meja dari inventori sebanyak RM800 untuk kegunaan perniagaannya.
Apakah catatan bergu untuk urus niaga ini dalam buku Kedai Perabot Bala?

| | Debit | Kredit |
|---|---|---|
| **A** | Akaun Ambilan | Akaun Inventori |
| **B** | Akaun Ambilan | Akaun Belian |
| **C** | Akaun Perabot | Akaun Belian |
| **D** | Akaun Perabot | Akaun Inventori |

**4** Apakah sumbangan Luca Pacioli dalam bidang perakaunan?
**A** Menerbitkan pelbagai karya perakaunan
**B** Memperkenalkan sistem catatan bergu dalam proses perakaunan
**C** Mencipta kaedah Venice
**D** Menubuhkan badan-badan perakaunan di seluruh dunia

**5** Siapakah yang menjadi pengguna luaran penyata kewangan?
**A** Pemilik perniagaan
**B** Pekerja
**C** Pihak pengurusan
**D** Pemegang syer

**6** Manakah yang **bukan** belanja kendalian Kedai Buku Edeton?
**A** Sewa dibayar
**B** Gaji
**C** Rugi pelupusan aset
**D** Alat tulis

**7** Komisen yang masih belum diterima pada akhir tempoh kewangan perlu diselaraskan dalam Akaun Komisen Diterima sebelum untung bersih dapat ditentukan.
Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi?
**A** Usaha berterusan
**B** Prinsip kos
**C** Pengiktirafan hasil dan belanja
**D** Entiti berasingan

**8** Yang manakah merupakan Badan Kawal Selia di negara ini?
**A** MIA (Institut Akauntan Malaysia)
**B** MASB (*Malaysian Accounting Standard Board*)
**C** MICPA (*Malaysian Institute of Certified Public Accountants*)
**D** ACCA (*The Association of Chartered Certified Accountants*)

**9** Manakah yang **bukan** ciri kualitatif penyata kewangan?
**A** Kebolehfahaman
**B** Kebolehbandingan
**C** Relevan
**D** Kebolehukuran

**10** Antara yang berikut, manakah yang benar tentang aset bukan semasa?
I Aset bukan semasa digunakan untuk jangka panjang
II Aset bukan semasa dijual semula untuk mendapat keuntungan
III Aset bukan semasa mempunyai tahap kecairan yang rendah
IV Kebanyakan aset bukan semasa mengalami susut nilai
**A** I, II, dan III
**B** I, II, dan IV
**C** I, III, dan IV
**D** II, III, dan IV

**11** Pemilik Kedai Perabot Arief mengambil meja pejabat dari inventori untuk kegunaan keluarganya. Apakah akaun yang dikreditkan?
**A** Akaun Perabot
**B** Akaun Ambilan
**C** Akaun Belian
**D** Akaun Inventori

**12** Apakah item yang akan menambahkan kos belian?
**A** Angkutan keluar
**B** Insurans kedai
**C** Duti import
**D** Upah dan gaji

**13** Pilih pernyataan yang benar mengenai ekuiti pemilik?
**A** Harta yang digunakan untuk menjana pendapatan perniagaan
**B** Hutang perniagaan terhadap pihak ketiga
**C** Tuntutan pemilik terhadap aset perniagaan
**D** Tuntutan pihak luar terhadap aset perniagaan

**14** Belanja operasi sebuah kedai sukan ialah…
I insurans.
II gaji pekerja.
III rugi pelupusan van terpakai.
IV susut nilai aset bukan semasa.
**A** I, II, dan III
**B** I, II, dan IV
**C** I, III, dan IV
**D** II, III, dan IV

**15** Persamaan perakaunan yang berikut adalah betul, **kecuali**...
**A** Aset = Modal + Liabiliti
**B** Aset = Modal + Liabiliti + Untung bersih
**C** Aset = Modal + Liabiliti – Rugi bersih
**D** Aset = Modal + Liabiliti + Ambilan

**16** Antara yang berikut, manakah yang dikelaskan sebagai liabiliti?
I Deposit kadar bayaran
II Pinjaman
III Akaun belum bayar
IV Akaun belum terima
**A** I dan II
**B** I dan III
**C** II dan III
**D** II dan IV

**Soalan 17 dan soalan 18 berdasarkan maklumat yang berikut.**

**Carta Akaun Syarikat Unggul**

| Kod | Akaun |
|---|---|
| 1000 – 1999 | Aset |
| 2000 – 2999 | Liabiliti |
| 3000 – 3999 | Hasil |
| 4000 - 4999 | Belanja |

**17** Yang manakah antara kod yang berikut sesuai diberikan kepada Akaun Alat Tulis?
**A** 1029 **C** 3048
**B** 2390 **D** 4210

**18** Item manakah yang sesuai memiliki kod 1306?
**A** Alat tulis
**B** Pinjaman
**C** Kadar bayaran
**D** Simpanan tetap

**19** Akaun manakah disenaraikan di sebelah kredit Imbangan Duga?
I Pulangan keluar
II Jualan
III Angkutan keluar
IV Faedah pinjaman
**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan III **D** III dan IV

**20** Butir manakah yang merupakan aset semasa?
**A** Inventori awal
**B** Overdraf bank
**C** Akaun belum bayar
**D** Insurans prabayar

**21** Cik Neena, pemilik Kedai Perabot Neena telah mengambil barang niaga bernilai RM600 dari inventori untuk kegunaan pejabat.
Apakah akaun yang didebitkan?
**A** Ambilan
**B** Perabot
**C** Inventori
**D** Belian

**22** Pernyataan manakah yang benar mengenai diskaun tunai?
**A** Menggelakkan berlaku hutang lapuk
**B** Menggalakkan pembeli membeli dengan banyak
**C** Merupakan potongan daripada harga senarai
**D** Amaun diskaun tunai dinyatakan dalam invois

**23** Manakah yang merupakan fungsi Jurnal Am?
**A** Merekodkan belian aset bukan semasa secara tunai
**B** Merekodkan belian barang niaga secara kredit
**C** Merekodkan ambilan tunai untuk kegunaan peribadi
**D** Merekodkan belian aset bukan semasa secara kredit

**24** Antara yang berikut, manakah yang merupakan ambilan?
I Membayar belanja peribadi dengan tunai perniagaan
II Komputer perniagaan digunakan sebagai komputer peribadi
III Mengambil barang niaga untuk promosi jualan
IV Membeli alat tulis perniagaan dengan tunai peribadi
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

25 Butir manakah yang akan dicatat dalam lajur belanja am di Buku Tunai Runcit?

I Belian
II Minuman dan kuih
III Upah membaiki lampu
IV Pinjaman kepada pekerja

**A** I dan II
**B** I dan III
**C** II dan III
**D** II dan IV

26 Akaun manakah yang disenaraikan dengan tepat dalam Imbangan Duga?

| | **Akaun** | **Ruangan** |
|---|---|---|
| **A** | Sewa diterima | Debit |
| **B** | Insurans | Kredit |
| **C** | Akaun belum bayar | Debit |
| **D** | Alat tulis | Debit |

27 Antara yang berikut, manakah yang merupakan liabiliti semasa?

I Sewa belum diterima
II Faedah belum terperoleh
III Kadar bayaran belum bayar
IV Insurans prabayar

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

28 Apakah kesan ke atas Akaun Perdagangan jika kos jualan melebihi jualan bersih?

**A** Rugi kasar
**B** Rugi bersih
**C** Untung kasar
**D** Untung bersih

29 Sistem panjar biasanya digunakan dalam penyediaan…

**A** Buku Tunai.
**B** Jurnal Am.
**C** Buku Tunai Runcit.
**D** Akaun Bank.

30 Maklumat yang berikut diperoleh daripada buku perniagaan Edeton Enterprise.

| | RM |
|---|---|
| Jualan barang niaga | 9 000 |
| Jualan kenderaan terpakai | 20 600 |
| Pulangan masuk | 280 |
| Pulangan keluar | 300 |

Berapakah jumlah jualan bersih?

**A** RM29 320
**B** RM8 720
**C** RM8 700
**D** RM29 300

31 Pilih padanan yang betul.

| | **Butiran** | **Komponen** |
|---|---|---|
| **A** | Akaun Belum Bayar, bank | Aset semasa |
| **B** | Akaun Belum Terima, Overdraf bank | Liabiliti semasa |
| **C** | Akaun Belum Terima, Simpanan tetap | Aset semasa |
| **D** | Akaun Belum Terima, kadar bayaran | Liabiliti semasa |

**Soalan 32 dan soalan 33 berdasarkan Akaun Kawalan yang berikut.**

**Akaun Kawalan Belum Bayar**

| 20X4 | | RM | 20X4 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Okt. 31 | Bank | 12 500 | Okt. 1 | Baki b/b | 26 000 |
| | **P** | 600 | 31 | Belian | 12 000 |
| | Baki h/b | 25 220 | | **Q** | 320 |
| | | 38 320 | | | 38 320 |
| | | | Nov. 1 | Baki b/b | 25 220 |

32 Apakah **P**?

**A** Diskaun diberi
**B** Diskaun diterima
**C** Angkutan masuk
**D** Hutang lapuk

33 Apakah **Q**?

**A** Kontra
**B** Faedah
**C** Bank
**D** Angkutan keluar

34 Petikan akaun yang berikut didapati daripada Lejar Kedai Saranjeet.

**Intan Trading**

| | | | 20X4 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Jan. 1 | Baki b/b | 2 000 |

Apakah urus niaga bagi menerangkan catatan di atas?

**A** Kedai Saranjeet berhutang RM2 000 kepada Intan Trading
**B** Intan Trading berhutang RM2 000 kepada Kedai Saranjeet
**C** Intan Trading membayar RM2 000 kepada Kedai Saranjeet
**D** Kedai Saranjeet membayar RM2 000 kepada Intan Trading

**Soalan 35 dan soalan 36 berdasarkan Akaun Kawalan yang berikut.**

**Akaun Kawalan Belum Terima**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 20X4 | | RM | 20X4 | | RM |
| Okt. 31 | Jualan | 25 380 | Okt. 1 | Baki b/b | 100 |
| | **X** | 500 | 31 | Bank | 21 000 |
| | | | | **Y** | 500 |
| | | | | Baki h/b | 4 280 |
| | | 25 880 | | | 25 880 |
| Nov. 1 | Baki b/b | 4 280 | | | |

**35** Apakah **X**?
**A** Pulangan jualan
**B** Peruntukan hutang ragu
**C** Diskaun diberi (dibatalkan)
**D** Hutang lapuk

**36** Apakah **Y**?
**A** Cek tak layan
**B** Diskaun diberi (dibatalkan)
**C** Kontra
**D** Faedah

**37** Jurnal Pulangan Belian yang berikut diambil daripada buku Jeeva Enterprise.

**Jurnal Pulangan Belian**

| Tarikh | Butir | Jumlah |
|---|---|---|
| 20X8 | | RM |
| Mac 7 | Roshillen Trading | 590 |
| 21 | Pembekal Leela | 100 |
| 31 | Akaun Pulangan Belian | 690 |

Manakah catatan yang betul dalam Akaun Pulangan Belian?

**A** **Akaun Pulangan Belian**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 20X8 | | RM |
| | | | Mac 31 | Akaun belum bayar | 690 |

**B** **Akaun Pulangan Belian**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 20X8 | | RM |
| | | | Mac 7 | Roshillen Trading | 590 |
| | | | 21 | Pembekal Leela | 100 |

**C** **Akaun Pulangan Belian**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 20X8 | | RM | | | |
| Mac 7 | Roshillen Trading | 590 | | | |
| 21 | Pembekal Mahani | 100 | | | |

**D** **Akaun Pulangan Belian**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 20X8 | | | | | |
| Mac 31 | Akaun belum bayar | 690 | | | |

**38** Butir manakah yang dicatatkan di sebelah kredit Akaun Untung Rugi?
**A** Angkutan masuk
**B** Sewa diterima
**C** Pulangan jualan
**D** Angkutan keluar

**39** Maklumat yang berikut diperoleh daripada Kedai Aisah pada 30 Jun 20X8.

| | RM |
|---|---|
| Untung kasar | 9 800 |
| Angkutan masuk | 400 |
| Sewa diterima | 2 800 |
| Gaji | 1 900 |
| Kadar bayaran | 130 |

Berapakah nilai untung bersih?
**A** RM13 970
**B** RM10 570
**C** RM5 180
**D** RM8 880

**40** Urus niaga yang berikut berlaku dalam Perniagaan Brandon.

> Encik Brandon mengambil barang niaga bernilai RM230 daripada perniagaannya untuk kegunaan peribadi.

Apakah catatan bergu yang terlibat dalam urus niaga tersebut?

| | Akaun didebit | Akaun dikredit |
|---|---|---|
| **A** | Ambilan | Inventori |
| **B** | Ambilan | Barang niaga |
| **C** | Ambilan | Belian |
| **D** | Ambilan | Modal |

**KERTAS 2** **Masa: Dua jam tiga puluh minit**

## Bahagian A

[60 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**1** (a) Nyatakan andaian dan prinsip perakaunan bagi situasi yang berikut.

i. Caj pemasangan internet di premis dikenakan bayaran RM280.

ii. Lembaga Pengarah Jafney Holding bercadang mengekalkan kaedah susut nilai aset bukan semasa pada masa akan datang. [2 *markah*]

(b) Nyatakan **tiga** jenis dokumen bukan sumber dalam perniagaan. [3 *markah*]

(c) Lengkapkan catatan Jurnal Am yang berikut.

**Jurnal Am**

| Tarikh | Butir | Debit | Kredit |
|---|---|---|---|
| 20X8 | | RM | RM |
| Mac 6 | **X** | 58 900 | |
| | **Y** | | 58 900 |
| | (Membawa masuk van peribadi ke dalam perniagaan) | | |

Apakah **X** dan **Y**? [2 *markah*]

(d) Nyatakan dokumen perniagaan yang berkaitan bagi urus niaga yang berikut.

| | Urus Niaga | Dokumen Perniagaan |
|---|---|---|
| i. | Dihantar oleh pihak bank kepada pemilik akaun untuk memaklumkan bahawa akaunnya telah dikurangkan dengan jumlah tertentu misalnya buku cek dan caj bank | |
| ii. | Digunakan untuk mengurangkan amaun invois yang telah diterima sebelumnya. | |
| iii. | Ambil barang dari inventori untuk promosi | |

[3 *markah*]

**2** Cik Ella mengendalikan Kedai Perabot Ella di Ipoh. Baki-baki yang berikut diperoleh daripada buku kedai tersebut pada 1 Mei 20X8.

| | RM |
|---|---|
| Bank | 30 000 |
| Perabot | 8 500 |
| Inventori | 12 600 |
| Akaun belum terima: Cathey Enterprise | 5 300 |
| Akaun belum bayar: Einstein Trading | 7 300 |

Dokumen yang berikut diperoleh daripada perniagaan beliau sepanjang bulan Mei 20X8.

ASAL No. 423

**ANITA TRADING**
No. 2, Jalan Tekun,
Gopeng, Perak

**INVOIS**

Kepada,
Kedai Perabot Ella
34, Jalan Gigih, Ipoh. Tarikh: 4 Mei 20X8

| Kuantiti | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Komputer Lenovo | 3 600.00 | 3 600.00 |
| | Kurang diskaun niaga 5% | | 3 600.00<br>180.00 |
| | | | 3 420.00 |

(RINGGIT MALAYSIA): Tiga Ribu Empat Ratus Dua Puluh Sahaja

*Ella* — T.T Penerima
*Anita* — T.T Pengurus

Dokumen 1

ASAL No. 855

**EINSTEIN TRADING**
22, Jalan Maju, Ipoh

**INVOIS**

Kepada,
Kedai Perabot Ella
34, Jalan Gigih, Ipoh. Tarikh: 6 Mei 20X8

| Kuantiti (unit) | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 20 | Meja pejabat | 600.00 | 12 000.00 |
| 10 | Rak pameran | 1 300.00 | 13 000.00 |
| | Jumlah | | 25 000.00 |

(RINGGIT MALAYSIA): Dua Puluh Lima Ribu sahaja

*Ella* — T.T Penerima
*Einstein* — T.T Pengurus

Dokumen 2

ASAL No: 726

**HANSEN TRADING**
No 2, Jalan Permai, Ipoh

**INVOIS**

Kepada,
Kedai Perabot Ella
34, Jalan Gigih, Ipoh. Tarikh: 9 Mei 20X8

| Kuantiti (unit) | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 50<br>20 | Kerusi plastik<br>Meja makan | 35.00<br>900.00 | 1 750.00<br>18 000.00 |
| | | | 19 750.00 |

(RINGGIT MALAYSIA): Sembilan Belas Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh sahaja.

*Ella* — T.T Penerima
*Hansen* — T.T Pengurus

Dokumen 3

**KEDAI PERABOT ELLA**
34, Jalan Gigih, Ipoh

Tarikh: 11 Mei 20X8

**MEMO**

Kerani Akaun,

Pemilik telah mengeluarkan sebuah rak pameran dari inventori bernilai RM1 300.00 untuk kegunaan pejabat.

*Ella*
Pengurus

Dokumen 4

SALINAN No: A68

**KEDAI PERABOT ELLA**
34, Jalan Gigih, Ipoh

**INVOIS**

Kepada,
Cathey Enterprise,
20, Jalan Amanah, Ipoh Tarikh: 13 Mei 20X8

| Kuantiti (unit) | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 20<br>5 | Kerusi plastik<br>Meja makan | 55.00<br>1 300.00 | 1 100.00<br>6 500.00 |
| | | | 7 600.00 |

(RINGGIT MALAYSIA): Tujuh Ribu Enam Ratus Sahaja

*CAthy* — T.T Penerima
*Ella* — T.T Pengurus

Dokumen 5

SALINAN No: A69

**KEDAI PERABOT ELLA**
34, Jalan Gigih, Ipoh

**INVOIS**

Kepada,
Amber Enterprise,
8, Jalan Azam, Ipoh. Tarikh: 16 Mei 20X8

| Kuantiti (unit) | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 5 | Meja pejabat | 900.00 | 4 500.00 |
| 5 | Rak pameran | 1 500.00 | 7 500.00 |
| | | | 12 000.00 |

(RINGGIT MALAYSIA): Dua Belas Ribu Sahaja

*Amber* — T.T Penerima

*Ella* — T.T Pengurus

Dokumen 6

ASAL CN No.52

**HANSEN TRADING**
No. 2, Jalan Permai, Ipoh

**NOTA KREDIT**

Kepada,
Kedai Perabot Ella,
34, Jalan Gigih, Ipoh Tarikh: 24 Mei 20X8

| Keterangan | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Sebuah meja makan bernilai RM900 dalam invois 726 bertarikh 9 Mei 20X8 dipulangkan kerana salah warna. | 900.00 |
| Jumlah | 900.00 |

(RINGGIT MALAYSIA): Sembilan Ratus sahaja.

*Hensen* — Pengurus

Dokumen 9

SALINAN No: DN120

**KEDAI PERABOT ELLA**
34, Jalan Gigih, Ipoh

**NOTA DEBIT**

Amber Enterprise,
8, Jalan Azam, Ipoh. Tarikh: 19 Mei 20X8

Sila ambil perhatian bahawa akaun tuan telah didebitkan seperti berikut.

| Keterangan | Jumlah (RM) |
|---|---|
| 5 buah meja pejabat dalam invois A69 yang bertarikh 16 Mei 20X8 telah terkurang caj sebanyak RM30 sebuah | 150.00 |
| Jumlah | 150.00 |

(RINGGIT MALAYSIA): Satu Ratus Lima Puluh Sahaja

*Ella* — Pengurus

Dokumen 7

SALINAN CN No. 32

**KEDAI PERABOT ELLA**
34, Jalan Gigih, Ipoh

**NOTA KREDIT**

Kepada,
Cathey Enterprise,
20, Jalan Amanah, Ipoh Tarikh: 26 Mei 20X8

| Butir | Jumlah (RM) |
|---|---|
| 5 buah kerusi plastik bernilai RM55.00 sebuah dalam invois A68 bertarikh 13 Mei 20X8 dipulangkan kerana salah jenama | 275.00 |
| Jumlah | 275.00 |

(RINGGIT MALAYSIA): Dua Ratus Tujuh Puluh Lima sahaja.

*Ekka* — Pengurus

Dokumen 10

**KEDAI PERABOT ELLA**
34, Jalan Gigih, Ipoh

Tarikh: 22 Mei 20X8

**MEMO**

Kerani Akaun,

Pemilik telah membawa masuk van peribadi untuk kegunaan perniagaan bernilai RM60 800.

*Ella* — Pengurus

Dokumen 8

(a) **Anda dikehendaki** menyediakan catatan dalam jurnal yang berikut.
   i. Jurnal Am
   ii. Jurnal Belian
   iii. Jurnal Jualan
   iv. Jurnal Pulangan Belian
   v. Jurnal Pulangan Jualan [10 *markah*]

(b) Pindahkan catatan dari jurnal ke lejar (tanpa perlu mengimbangkan akaun). [15 *markah*]

**3** Maklumat yang berikut diperoleh daripada buku-buku Perniagaan Trina.

| **Pada 1 Januari 20X6** | RM |
|---|---|
| Baki debit Lejar Jualan | 20 600 |
| Baki kredit Lejar Jualan | 80 |
| Baki debit Lejar Belian | 120 |
| Baki kredit Lejar Belian | 9 200 |
| Peruntukan hutang ragu | 520 |

Maklumat di bawah ini diperoleh daripada Buku Tunai, Jurnal Belian, dan Jurnal Jualan.

**Buku Tunai (Bank)**

| Tarikh | Butir | Disk. | Bank | Tarikh | Butir | Disk. | Bank |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 20X6 | | RM | RM | 20X6 | | RM | RM |
| Jan. 1 | Baki b/b | | 30 100 | Jan. 4 | Venkatesh Bhd. | 320 | 2 800 |
| 4 | Kedai Shanzay | 30 | 600 | 6 | Belian | | 4 800 |
| 8 | Jualan | | 6 200 | 15 | Gaji | | 3 900 |
| 10 | Komisen diterima | | 320 | 22 | Haris Enterprise | 80 | 1 600 |
| 20 | Vivian Enterprise | 60 | 1 200 | 26 | Insurans | | 500 |
| 29 | Kedai Wai Qi | 120 | 2 380 | 25 | Vivian Enterprise | | 1 200 |
| | | | | 30 | Jessie Trading | 110 | 2 100 |

**Jurnal Jualan**

| Tarikh | Butir | Jumlah |
|---|---|---|
| 20X6 | | RM |
| Jan. 1 | Kedai Shanzay | 2 800 |
| 11 | Vivian Enterprise | 3 650 |
| 22 | Kedai Wai Qi | 4 300 |
| 31 | Akaun Jualan | ? |

**Jurnal Belian**

| Tarikh | Butir | Jumlah |
|---|---|---|
| 20X6 | | RM |
| Jan. 1 | Venkatesh Bhd. | 6 000 |
| 13 | Haris Enterprise | 2 300 |
| 23 | Jessie Trading | 4 600 |
| 31 | Akaun Belian | ? |

Urus niaga sepanjang bulan Januari 20X6

| | RM |
|---|---|
| Angkutan dikenakan oleh pembekal | 400 |
| Pulangan masuk | 350 |
| Faedah dikenakan atas akaun belum terima | 210 |
| Pulangan keluar | 450 |
| Pindahan dari Lejar Belian ke Lejar Jualan | 330 |
| Peruntukan hutang ragu | 610 |

**Maklumat Tambahan**

Pada 31 Januari 20X6

| | |
|---|---|
| Baki kredit Lejar Jualan | RM60 |
| Baki debit Lejar Belian | RM85 |

**Sediakan:**

(a) Akaun Kawalan Lejar Jualan; [12 *markah*]

(b) Akaun Kawalan Lejar Belian; [10 *markah*]

(c) hitung jumlah belian dan jumlah jualan; [2 *markah*]

(d) nyatakan maksud peruntukan hutang ragu. [1 *markah*]

## Bahagian B

*Jawab mana-mana* **dua** *soalan sahaja.*

[40 *markah*]

**4** Maizura menyediakan Buku Tunai Runcit dengan lajur analisis **belanja pejabat**, **belanja perjalanan**, **alat tulis**, dan **pelbagai**. Beliau dibantu oleh seorang pembantu, Emilia yang menerima gaji bulanan RM1 200. Pada 1 Mei 20X8, Sistem Panjar diamalkan dengan diperuntukkan RM350 sebagai dana runcit. Bayaran yang berikut dilakukan di sepanjang bulan Mei 20X8.

| Mei | | RM |
|---|---|---|
| 1 | Terima cek daripada ketua juruwang | ? |
| 4 | Beli 2 rim kertas A4 | 20 |
| 5 | Beli komputer Asus | 380 |
| 7 | Bayaran tambang teksi | 13 |
| 8 | Beli sampul surat | 5 |
| 9 | Bayar upah mencuci pejabat | 25 |
| 10 | Bayar tol | 5 |
| 13 | Membaiki komputer | 60 |
| 14 | Beli barang niaga | 30 |
| 15 | Beli fail dan pen | 20 |
| 16 | Beli katrij komputer | 35 |
| 17 | Surat khabar dan majalah pejabat | 40 |
| 18 | Pinjaman kepada Emilia | 20 |
| 19 | Pewangi pejabat | 10 |
| 20 | Emilia bayar balik pinjaman | ? |
| 24 | Bayar petrol motosikal | 30 |
| 26 | Bayar gaji pekerja | 1 200 |

**Anda dikehendaki**:

(a) menyediakan Buku Tunai Runcit pada 31 Mei 20X8 (Tunjukkan bayaran balik cek pada 1 Jun 20X8); [18 *markah*]

(b) menerangkan maksud Sistem Panjar. [2 *markah*]

**5** Cik Ryea memulakan perniagaan Ryea Enterprise pada 1 Jun 20X8 dengan membawa masuk aset-aset yang berikut.

| | RM |
|---|---|
| Perabot | 8 000 |
| Premis | 80 000 |
| Tunai di bank | 30 000 |

Urus niaga yang berikut berlaku sepanjang bulan Jun 20X8.

i. Beli barang niaga secara kredit daripada Syarikat Pruso RM2 600.
ii. Bayar promosi dengan cek RM250.
iii. Jual barang niaga berkos RM450 kepada Peggy secara kredit pada harga RM560.
iv. Terima cek daripada Peggy berjumlah RM300.
v. Bayar Syarikat Pruso dengan cek RM1 900 dan terima diskaun RM50.
vi. Pemilik membawa masuk almari peribadi bernilai RM850 untuk kegunaan perniagaan.
vii. Sekeping cek yang diterima daripada Peggy RM300 telah dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.
viii. Pemilik telah mengeluarkan cek RM600 untuk membayar sewa peribadinya.
ix. Perniagaan telah meminjam daripada bank sebanyak RM7 000. Wang tersebut dimasukkan ke dalam akaun bank perniagaan.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

(a) Jadual Persamaan Perakaunan mengikut format yang berikut. [10 *markah*]

| **Aset** | | | | | **= Liabiliti** | | **+ Ekuiti Pemilik** | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Perabot** | **Premis** | **Bank** | **Akaun Belum Terima** | **Inventori** | **Akaun Belum Bayar** | **Pinjaman** | **Modal** | **Ambilan** | **Untung bersih** |
| RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| | | | | | | | | | |

(b) Penyata Kedudukan Kewangan Ryea Enterprise pada 30 Jun 20X8. [10 *markah*]

**6** Urus niaga yang berikut berlaku sepanjang bulan Mei 20X8 bagi Kedai Runcit Meven.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Mei | 1 | Baki-baki: | Tunai di tangan | RM300 |
| | | | Tunai di bank | RM30 000 |
| | | | Akaun belum terima: Celine Trading | RM3 500 |
| | | | Akaun belum bayar: Kedai Kayshev | RM4 900 |
| | | | Kenderaan | RM58 600 |
| | 2 | Keluarkan tunai dari bank untuk kegunaan pejabat RM500 | | |
| | 4 | Beli barang daripada Kedai Kayshev secara kredit RM850 | | |
| | 6 | Jual barang kepada Ming Han dan terima tunai RM700. Separuh daripada tunai tersebut dibankkan. Bakinya disimpan di pejabat | | |
| | 8 | Bayar deposit air dan elektrik dengan tunai RM180 | | |
| | 9 | Bayar Kedai Kayshev dengan cek RM2 000 dan terima diskaun RM60 | | |
| | 12 | Terima cek daripada Celine Trading RM550 untuk menjelaskan hutangnya RM600 | | |
| | 14 | Ambil barang RM180 untuk kegunaan peribadi | | |
| | 18 | Terima cek daripada Celine Trading RM1 300. Berinya diskaun RM40 | | |
| | 19 | Cek yang diterima daripada Celine Trading pada 12 Mei ditanda “Rujuk kepada Penyuruh Bayar. | | |
| | 20 | Menerima komisen dengan cek daripada pembekal David RM520 | | |
| | 22 | Jualan tunai kepada Austin Trading RM1 900. | | |
| | 23 | Pindahkan tunai ke dalam bank RM1 500. | | |
| | 24 | Keluarkan tunai untuk membayar belanja am peribadi RM150 | | |
| | 26 | Bayar gaji pekerja dengan cek RM1 800 | | |
| | 28 | Jualan kepada Rahkesh Enterprise secara kredit RM200. | | |

**Anda dikehendaki** memilih urus niaga yang berkaitan dan rekodkan ke dalam Buku Tunai 3 lajur dan mengimbangkan Buku Tunai dan tunjukkan baki-bakinya pada bulan depan. [20 *markah*]